

STATUS KELESTARIAN BAHASA MINORITI KENTAQ

THE PRESERVATION STATUS OF KENTAQ MINORITY

Noor Saadah Salleh¹
Mohd Sharifudin Yusop²

¹Merupakan penyarah di Jabatan Bahasa, Kolej Tafe Seremban dan sedang mengikuti pengajian peringkat Doktor Falsafah dalam bidang Bahasa Melayu di Universiti Putra Malaysia.

Accepted date: 30-08-2018

Published date: 15-12-2018

To cite this document: Salleh, N. S., & Yusop, M. S. (2018). Status Kelestarian Bahasa Minoriti Kentaq. *International Journal of Humanities, Philosophy, Language*, 1(4), 01-22.

Abstrak: Isu berkaitan kepupusan bahasa minoriti merupakan perkara yang sangat membimbangkan dan perlu dikawal dengan sebaiknya. Bahasa Kentaq yang dipertuturkan oleh orang Asli Kentaq juga tidak terkecuali dari permasalahan ini. Dengan jumlah penutur seramai 212 orang sahaja (JAKOA Perak, 2015) bahasa ini secara dasar mempunyai potensi kepupusan kerana memiliki jumlah penutur yang begitu kecil sekali. Berdasarkan hakikat ini, pengkaji telah membuat penelitian terhadap pilihan bahasa dalam masyarakat Kentaq bagi menguji status kelestarian bahasa ini. Teori Fishman (1991) dan Tahap Keterancaman Bahasa Berdasarkan Kehilangan Domain menurut Brenzinger et al (2003). telah diterapkan bagi menjawab permasalahan ini. Kajian ini telah melibatkan 61 orang responden yang berumur antara 6 hingga 70 tahun yang telah dipilih berdasarkan kaedah persampelan bertujuan dan bola salji. Berdasarkan Teori Fishman (1991) dan Tahap Keterancaman Bahasa Berdasarkan Kehilangan Domain menurut Brenzinger et al. (2003) telah menunjukkan bahawa status bahasa Kentaq masih lestari kerana bahasa ini berada pada Gred 4 iaitu kesetaraan multilingual di mana bahasa ini masih digunakan dalam kebanyakan fungsi domain sosial.

Kata Kunci: Kentaq, Orang Asli, Kintak, Kntak Bong, Aslian, Perak

Abstract: *Issues pertaining to the extinction of minority languages are a matter of concern and need to be taken care of. The Kentaq language spoken by Native Kentaq is also no exception to this problem. With total speakers of 212 (JAKOA Perak, 2015) this language has basically had the potential for extinction because it has a very small number of speakers. Based on this fact, the researcher has been examining the choice of language in the Kentaq community to test the sustainability status of this language. Fishman Theory (1991) and Language Stress Stages Based on Losing Domain by Brenzinger et al (2003) has been applied to answer this problem. This study involved 61 respondents aged between 6 and 70 years old who were selected based on purposive sampling methods and snowballs. Based on Fishman Theory (1991) and Language Stress Based on Losing Domain by Brenzinger et al. (2003) has shown that the status of the Kentaq language is still sustainable because the language is at Grade 4 of multilingual equivalence where the language is still used in most social domain functions.*

Keywords: *Kentaq, Orang Asli, Kintak, Kntak Bong, Aslian, Perak*

Pendahuluan

Pertembungan bahasa atau kontak bahasa telah membuka ruang untuk berlakunya pemilihan bahasa yang disebabkan oleh keadaan atau situasi penggunaan sesuatu bahasa. Perbezaan latar belakang bahasa telah menyebabkan ada di antara bahasa yang menjadi pilihan utama dan ada yang disisihkan. Hal ini berkait rapat dengan sikap penutur bahasa. Menurut Noriah (2016) persekitaran mempengaruhi bahasa dan bahasa mempengaruhi tanggapan penuturnya terhadap persekitaran, maka kemusnahan ekologi, sama ada linguistik atau bukan linguistik, merupakan bencana yang membawa kemusnahan kepada sistem linguistik itu sendiri.

Pertembungan bahasa atau kontak bahasa juga telah mencetuskan situasi bilingual atau multilingual dalam sesebuah masyarakat. Bagi bilingual atau multilingual, domain adalah penanda aras penting dalam menilai tingkah laku seseorang penutur. Berdasarkan teorikal kematian Bahasa Sasse (1992) menerusi Angkubah Sosial, beliau telah menunjukkan bahawa tingkah laku penutur dalam pemilihan bahasa berdasarkan domain merupakan penanda aras kepada kematian sesuatu bahasa. Menurut Fishman (1994), "aspek kualitatif bilingualisme paling mudah digambarkan berhubung dengan lokasi penyelenggaraan bahasa dan pergeseran bahasa dari segi domain tingkah laku bahasa".

Gambaran yang diberikan oleh Fishman ini menunjukkan bahawa aspek bilingual paling mudah digambarkan berdasarkan domain dan tingkah laku penuturnya dalam pemilihan bahasa. Holmes (2008) pula mengatakan model domain melakarkan tiga faktor penting dalam proses pemilihan bahasa, iaitu peserta latar dan topik. Melalui model domain, tingkah laku penutur memilih bahasa untuk berkomunikasi berdasarkan situasi dapat dinilai dan dapat dikenal pasti

Dalam penentuan jumlah domain, tiada ketetapan yang diletakkan. Faktor penentuan ini bersandarkan kepada sifat komuniti yang dikaji. Platt (1977) mengatakan bahawa jumlah domain yang digunakan untuk mengkaji sesuatu komuniti adalah tidak terhad dan tidak mempunyai ketetapan.

Justeru itu, dalam kajian ini pengkaji telah meletakkan tujuh domain bagi mengenal pasti sikap memilih bahasa dalam kalangan masyarakat Kentaq. Domain-domain tersebut adalah:

1. Kekeluargaan
2. Kejiranan
3. Kemasyarakatan
4. Keagamaan
5. Pendidikan
6. Ekonomi
7. Perkhidmatan

Bagi analisis domain ini pengkaji telah memilih seramai 61 orang reponden yang terdiri daripada pelbagai peringkat usia dan jantina. 61 responden yang terlibat merupakan responden yang telah dikenal pasti latar belakang mereka sebagai orang Asli Kentaq. Melalui analisis domain ini pengkaji telah memberi empat kriteria pilihan bahasa untuk mendapatkan data sikap

pemilihan bahasa berdasarkan domain. Empat pilihan tersebut ialah bahasa Kentaq, bahasa Melayu, bahasa Kentaq dan bahasa Melayu dan lain-lain bahasa.

Penentuan kriteria ini dibuat berdasarkan kajian rintis yang telah dibuat sebelum kajian sebenar dijalankan. Berdasarkan kaedah pemerhatian melalui kajian rintis yang telah dijalankan, pengkaji telah mendapati bahawa bahasa Melayu menjadi bahasa kedua bagi masyarakat Kentaq. Selain daripada bahasa Melayu, ada juga penggunaan bahasa-bahasa Asli suku lain yang melibatkan keluarga yang berkahwin campur tetapi jumlah mereka tidaklah ramai. Justeru pilihan lain-lain diberikan sebagai pilihan bahasa sekiranya terdapat bahasa lain yang digunakan dalam domain yang dikaji.

Sorotan Karya

David Crystal (2000) melalui buku beliau yang bertajuk *Language Death* telah menghuraikan berkaitan kematian dan kelestarian bahasa. Melalui kajian yang dilakukan oleh beliau, didapati beberapa faktor dilihat mempengaruhi kematian dan kelestarian sesuatu bahasa. Sarjana yang banyak terlibat dalam kajian bahasa peribumi Indonesia ini telah menyatakan bahawa bahasa boleh mati disebabkan kematian penutur bahasa yang disebabkan oleh pelbagai faktor antaranya seperti bencana alam, penyakit, peperangan kerana perbezaan etnik atau fahaman dan sebagainya lagi.

Mohd Sharifudin Yusop (2013), dalam buku beliau yang bertajuk “*Keterancamannya Bahasa Orang Asli Duano dan Kanaq*” telah memperlihatkan bahawa terdapat tanda-tanda dimana bahasa-bahasa Orang Asli di Malaysia kini menuju ke tahap kepupusan. Salah satu bahasa yang terlibat ialah bahasa Orang Melayu Proto atau juga dikenali sebagai orang Melayu Asli. Kajian beliau dilakukan sebagai usaha kritikal mendokumentasi bahasa Orang Melayu Proto, dengan tumpuan terhadap dialek suku Duano dan suku Kanaq yang hanya terdapat di negeri Johor. Ini berasaskan bilangan penutur natif kedua-dua dialek itu. Bilangan Kanaq yang seramai 83, manakala suku Duano dalam lingkungan 3000 orang. Walaupun orang Duano masih agak ramai, namun bilangan penutur dialek Duano semakin berkurangan kerana generasi muda tidak menggunakan dialek ibunda mereka. Melalui kajian ini juga beliau mendapati bahawa dialek Duano dan Kanaq sedang mengalami pengusangan dan berada dalam keadaan nazak. Kedua-dua dialek ini akan pupus dalam tempoh waktu yang terdekat jika tiada sebarang langkah pemuliharaan dilakukan.

Hasrishon Radzi, Fazal Mohamed Sultan, Nor Hashimah Jalalusin dan Zaharani Ahmad (2012) dalam *Journal of Language Studies* telah memperlihatkan situasi yang sama turut berlaku terhadap bahasa Mendriq. Data yang diperolehi melalui kajian “Analisis Bahasa Komunikasi Bangsa Minoriti Negrityo Menerusi Pengimbuhan dan Peminjaman Kata” telah memperlihatkan banyak pengaruh bahasa Melayu yang wujud di dalam bahasa Mendriq. Bahasa Mendriq dilihat banyak menerima kata imbuhan pinjaman daripada bahasa Melayu. Fenomena ini memperlihatkan bahawa bahasa Asli Mendriq juga semakin terhakis seperti bahasa-bahasa Austroasiatik yang lain kerana dipengaruhi oleh bahasa Melayu.

Berdasarkan sorotan di atas dilihat bahawa kajian berkaitan bahasa minoriti terutamanya bahasa masyarakat orang Asli haruslah lebih giat dilakukan kerana dikhuatiri khazanah yang dimiliki ini akan hilang dan pupus disebabkan faktor-faktor yang menghalang kepada kelestariannya.

Justeru itu, kajian berkaitan ‘Status Kelestarian Bahasa Minoriti Kentaq’ yang dibuat ini dilihat sebagai satu kajian yang lebih serius sifatnya bagi menilai kedudukan bahasa ini dalam era kemodenan. Kajian ini diharapkan dapat membantu usaha pendokumentasian dan sekaligus dapat memperjelaskan status terkini bahasa Kentaq agar bahasa ini mampu dipertahankan dan tidak hilang begitu sahaja, seperti yang dialami oleh bahasa-bahasa minoriti yang telah pupus.

Metodologi

Kajian ini adalah kajian berbentuk lapangan dan kajian berbentuk tinjauan. Kedua-dua bentuk kajian ini merupakan pilihan paling popular bagi pengkaji sains sosial. Menurut Sulaiman Masri (2003) kajian lapangan (*field studies*) merupakan strategi penyelidikan yang paling sesuai untuk meneroka bidang kajian. Strategi ini dapat membantu pengkaji mengetahui secara lebih mendalam keadaan sebenar di tempat kajian dan dapat menghampiri permasalahan penyelidikan kajian dengan bebas.

Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan dua kaedah persampelan iaitu persampelan bukan keberangkilan dimana pengkaji telah menggunakan persampelan bertujuan dan kaedah bola salji. Mengikut Chua Yan Piaw (2006), persampelan bertujuan (*Purposive sampling*) merujuk kepada prosedur persampelan di mana sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu dipilih sebagai sampel dan subjek-subjek lain dalam populasi tidak berpeluang dipilih sebagai responden.

Responden yang telah dipilih telah dikenal pasti menepati tujuan dan kehendak kajian berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada informan yang terdiri daripada pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA) Grik, Perak dan Tok Batin masyarakat berkenaan.

Responden yang telah dipilih juga merupakan responden yang berdasarkan ciri-ciri umum yang biasa digunakan oleh pengkaji dialek, iaitu seorang lelaki dewasa yang agak berusia dan menetap kekal di sesuatu kawasan, di luar bandar. Konsep yang biasa dirujuk untuk responden jenis ini ialah NORM, iaitu *nonmobile*, *older* dan *males* (Farid M. Onn dan Ajid Che Kon, 1995 dalam Mohammad Fadzeli Jaafar et.al, 2012).

Berdasarkan kaedah yang digunakan pengkaji telah berjaya mendapatkan 61 orang responden. 61 Orang Responden ini telah mewakili keseluruhan masyarakat Orang Asli Kentaq yang mana jumlah masyarakatnya memang sedikit iaitu seramai 146 orang sahaja setelah dilakukan rincian terhadap latar belakang daripada senarai yang diberikan oleh pihak JAKOA Saiz sampel yang kecil ini memadai kerana kajian yang dilakukan adalah berbentuk kualitatif dan lebih kepada kajian lapangan dan ini adalah bertepatan dengan pandangan Chua Yian Piaw (2006) bahawa kajian kualitatif (seperti kajian lapangan) saiz sampel yang kecil adalah memadai. Dari segi peratusan saiz sampel yang dipilih adalah sebanyak 41.7% daripada jumlah keseluruhan Orang Asli Kentaq di Kg. Bukit Asu. Jumlah ini dianggap mencukupi kerana andaian normal bagi taburan biasanya dipenuhi apabila saiz sampel melebihi 30% (Noor Aina Dani, 2008). Berikut merupakan peringkat umur bagi responden yang terlibat sebagai sampel kajian.

Jadual 1.0: Peringkat Umur Responden

Bil.	Peringkat	Klasifikasi Umur	Bil. Orang	Jantina
1.	Peringkat 1	6- 19 tahun	35 orang	P- 12 L- 23
2.	Peringkat 2	20- 39 tahun	15 orang	P- 7 L- 8
3.	Peringkat 3	40- 69 tahun	11 orang	P- 5 L- 6
4.	Peringkat 4	70 tahun ke atas	tiada	Tiada

Kajian ini telah menerapkan Teori Fishman (1991) dalam melihat pilihan bahasa masyarakat penutur berdasarkan domain. Melalui teori ini, Fishman telah menekankan hakikat bahawa konsep masyarakat bertutur adalah melibatkan satu bahasa yang sama. Selain itu, masyarakat bahasa yang kompleks akan menunjukkan beberapa ragam berbahasa. Setiap bahasa yang dipilih juga mengandungi fungsi-fungsi yang berbeza antara satu dengan lain. Pelbagai fungsi digunakan dalam kalangan penduduk kawasan yang sama seperti fungsi yang mewakili pekerjaan, pengkhususan, minat, dan kelas sosial (ekonomi, pendidikan, bangsa) yang berlainan.

Analisis

Domain Kekeluargaan

Keluarga merupakan kumpulan kecil dalam masyarakat yang sentiasa berhubung dan terikat dengan pertalian darah, perkahwinan, atau ikatan lainnya, tinggal dalam satu rumah dan dipimpin oleh seorang ketua keluarga. Keluarga juga memiliki satu kesatuan ahli yang berinteraksi dan saling berkomunikasi yang memainkan peranan sebagai ayah, ibu, anak, datuk cucu dan sebagainya. Oleh itu pemilihan bahasa dalam domain kekeluargaan meliputi setiap tatatingkat anggota keluarga seperti datuk, nenek, ipar, ayah, ibu, anak, cucu dan saudara mara. Bagi menganalisis domain kekeluargaan ini pengkaji telah mengemukakan 11 item soalan bagi menjelaskan sikap pemilihan bahasa untuk komunikasi Orang Asli Kentaq. Maklumat pemilihan bahasa dalam domain kekeluargaan adalah seperti dalam jadual di bawah.

Jadual 1.1: Pemilihan Bahasa Orang Asli Kentaq dalam Domain Kekeluargaan

1. Berkomunikasi dengan datuk		
Pilihan Bahasa	Bilangan	Peratusan
Kentaq	61	100.0
2. Berkomunikasi dengan nenek		
Pilihan Bahasa	Bilangan	Peratusan
Kentaq	61	100.0
3. Berkomunikasi dengan ipar		

Pilihan Bahasa	Bilangan	Peratusan
Kentaq	26	42.6
Bahasa Melayu	1	1.6
Tiada ipar	34	55.7
Total	61	100.0
4. Mertua		
	Bilangan	Peratusan
Kentaq	26	42.6
Bahasa Melayu	1	1.6
Tiada Mertua	34	55.7
Total	61	100.0
5. Besan		
	Bilangan	Peratusan
Kentaq	11	18.0
Tiada Besan	50	82.0
Total	61	100.0
6. Biras		
	Bilangan	Peratusan
Kentaq	26	42.6
Bahasa Melayu	1	1.6
Tiada Biras	34	55.7
Total	61	100.0
7. Suami atau isteri		
	Bilangan	Peratusan
Kentaq	26	42.6
Bahasa Melayu	1	1.6
Tiada Suami/Isteri	34	55.7
Total	61	100.0

8. Saudara mara		
	Bilangan	Peratusan
Kentag	60	98.4
Kentag + BM	1	1.6
Total	61	100.0
1. Adik beradik		
	Bilangan	Peratusan
Kentag	61	100.0
2. Anak		
	Bilangan	Peratusan
Kentag	26	42.6
Tiada Anak	35	57.4
Total	61	100.0
3. Cucu		
	Bilangan	Peratusan
Kentag	11	18.0
Tiada Cucu	50	82.0
Total	61	100.0

BM- Bahasa Melayu

Berdasarkan data demografi yang diperoleh dari soal selidik didapati bahawa peratusan responden yang menggunakan bahasa Kentag sebagai bahasa utama di rumah adalah sebanyak 96.7%. peratusan ini menunjukkan bahawa bahasa Kentag menjadi pilihan utama bagi tujuan komunikasi melibatkan domain kekeluargaan.

Jadual 1.2. Bahasa Utama di Rumah

Pilihan Bahasa	Bilangan	Peratusan
Kentag	59	96.7
Melayu	1	1.6
Lain-lain	1	1.6
Total	61	100.0

Pemilihan bahasa Kentaq sebagai bahasa utama di rumah atau dalam domain kekeluargaan menunjukkan orang Asli Kentaq lebih suka berinteraksi menggunakan bahasa ibunda sendiri. Walaupun ada dalam kalangan mereka yang tidak menggunakan bahasa Kentaq sebagai bahasa utama, namun jumlah mereka amat kecil sekali. Penggunaan bahasa lain selain bahasa Kentaq adalah disebabkan faktor kahwin campur yang berlaku dalam kalangan masyarakat ini. Responden yang memilih untuk menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama di rumah adalah mereka yang terdiri daripada perkahwinan campur Kentaq dan Siam. Rata-rata masyarakat Kentaq yang berkahwin campur biasanya hanya berkahwin melibatkan suku berlainan sahaja yang berada didalam kumpulan yang sama, contohnya, seperti Kentaq dan Kensiu, Kentaq dan Jahai, Kentaq dan Semnam. Bagi kumpulan yang terdiri daripada perkahwinan campur begini, bahasa bukanlah kesulitan, kerana mereka memiliki bahasa yang hampir sama. Kebanyakan dari mereka memilih untuk bertutur bahasa penduduk setempat iaitu bahasa Kentaq. Perkahwinan campur juga dengan berlaku antara orang Asli Kentaq dan orang Melayu, namun menurut Batin Halipon B. Saad (ketua masyakat setempat) keluarga tersebut telah berhijrah mengikut pasangannya ke perkampungan Melayu. Berikut diperturunkan contoh perbandingan bahasa Kentaq dengan bahasa-bahasa Asli yang lain dalam kumpulan yang sama.

Jadual 3: Perbandingan Bahasa Kentaq, Kensiu dan Jahai


Bahasa Melayu	Bahasa Kentaq	Bahasa Kensiu	Bahasa Jahai
Anak lelaki	Wong temkal [wɔŋ tɛmkal]	Wong temkal [wɔŋ tɛmkal]	Wong ei [wɔŋ ey}
Aku	Yek [yɛʔ]	yek [yɛʔ]	yek [yɛʔ]
Anak cucu	Wong kanco [wɔŋ kancɔʔ]	Wong kanco [wɔŋ kancɔʔ]	Wong kancok [wɔŋ kancɔʔ]
Bapa	Ey [ey]	Ei [ey]	Ei [ey]

Sumber: Daftar Kata Bahasa Melayu- Bahasa Orang Asli/ Melayu-Negrto (Mohd Sharifudin Yusop (2011)

Berdasarkan item 1, dalam Jadual 1.1 di atas kesemua responden telah memilih untuk berkomunikasi menggunakan bahasa Kentaq sepenuhnya apabila bersama datuk dan nenek. Menurut Michael Clayne (1991), datuk dan nenek menjadi wahana kelestarian penggunaan sesuatu bahasa secara turun menurun (Zainal Abidin Masleh, 2011) dan ini tidak terkecuali juga bagi bahasa Kentaq. Hal ini turut dinyatakan oleh Sasse (1992) melalui Teoretikal kematian bahasa minoriti yang mana melihat isu pewarisan bahasa sebagai wadah bagi menguji status sesuatu bahasa. Pilihan bahasa yang dibuat oleh orang yang lebih dewasa biasanya akan mempengaruhi golongan yang lebih muda. Sepanjang pengkaji menjalankan kajian, rata-rata warga tua di kampung berkenaan berumur sekitar 50 hingga 69 tahun. Ini juga telah dibuktikan melalui data daripada borang soal selidik yang telah diperolehi (rujuk jadual 4.4.1). Walaupun pengkaji telah meletakkan peringkat 4 sebagai calon responden namun kumpulan sasar ini tidak berjaya ditemui. Kebanyakan responden pada peringkat 4 (50 hingga 69 tahun) telah bergelar datuk dan nenek kerana kebanyakan orang Asli Kentaq berkahwin pada usia yang muda.


Bagi item 2, situasi yang sama turut dilihat berlaku. Hasil dapatan memperlihatkan bahawa kesemua responden seramai 61 orang telah memilih Bahasa Kentaq sebagai bahasa untuk berkomunikasi bersama nenek. Nenek biasanya terdiri daripada golongan wanita yang telah berusia. Golongan wanita adalah golongan yang mempunyai penguasaan dan memori bahasa yang baik. Istilah ‘*Bahasa Ibunda*’ yang digunakan bagi menggambarkan bahasa utama bagi seseorang penutur menunjukkan bahawa bahasa ibu adalah bahasa warisan utama kepada anak-anak. Wanita juga dikatakan lebih cepat menguasai bahasa berbanding lelaki. Menurut Nurdin (2009) hal ini terjadi kerana wanita mempunyai perasaan yang lebih peka berbanding lelaki dan memiliki naluri yang lebih tajam berbanding lelaki sehingga memberi pengaruh kepada penguasaan bahasa wanita. Justeru pemilihan berkomunikasi menggunakan bahasa Kentaq apabila bersama nenek atau golongan wanita berusia dilihat sebagai wadah yang baik kepada generasi baharu kerana bahasa dapat disalurkan dan diwariskan.

Item 3



Rajah 1. Berkomunikasi Dengan Ipar

Item 4



Rajah 2. Berkomunikasi Dengan Mertua

Item 3, dan 4 menunjukkan peratusan pemilihan bahasa Kentaq menunjuk seramai 42% responden memilih untuk bertutur dalam bahasa Kentaq dan 2% bertutur menggunakan bahasa Melayu. Baki seramai 56% responden adalah terdiri daripada responden yang belum berkahwin dan tidak mempunyai ipar atau mertua. Dalam bahasa Kentaq istilah bagi mertua lelaki dan mertua perempuan sama seperti juga dalam bahasa Melayu. Mertua merujuk kepada bapa atau ibu kepada pasangan yang dikahwini. Ipar pula merujuk kepada adik beradik kepada pasangan yang dikahwini. Jika bagi orang Melayu, menghormati mertua adalah sama seperti sebagaimana menghormati ibu atau bapa sendiri, bagi orang Kentaq pula mereka mempunyai tradisi yang agak berlainan.

Tradisi yang diamalkan oleh mereka ialah, menantu perempuan tidak dibenarkan bercakap dan bertutur dengan bapa mertua dan menantu lelaki tidak dibenarkan berkomunikasi bersama ibu mertua. Bukan sahaja dilarang berkomunikasi malahan bertembung juga tidak digalakkan. Walaupun ada dalam kalangan responden yang menyatakan kesukaran berbuat demikian, namun mereka dilihat sangat mematuhi adat ini. Menurut mereka jika tidak mematuhi adat ini,


mereka boleh ditimpa musibah antaranya seperti ditimpa penyakit sehingga boleh membawa maut. Tradisi ini dilihat telah membataskan komunikasi dalam kalangan mereka.

Adat ini juga juga melibatkan menantu dan ipar. Menantu perempuan tidak dibenarkan untuk bercakap dengan abang ipar dan juga begitu juga menantu lelaki. Walaupun adat ini dilihat agak ganjil, namun bagi masyarakat ini mereka sangat memegang teguh adat ini dan sangat mempercayai musibah bakal berlaku sekiranya mereka melanggar adat. Adat ini juga dikatakan turut diamalkan oleh beberapa suku lain antaranya oleh masyarakat Kensiu. Kelestarian bahasa mungkin boleh tergugat disebabkan oleh adat ini, kerana adat ini dilihat membataskan komunikasi dalam kalangan mereka. Berikut diperturunkan istilah gelaran yang digunakan bagi mertua dan ipar yang dalam bahasa Kentaq.

Jadual 4: Istilah Bagi Mertua dan Ipar


	Bahas Melayu	Bahasa Kentaq
64	Mertua lelaki	[mørtu ^w a ləlaki] Mertua Lelaki
65	Mertua perempuan	[mørtu ^w a pərømpu ^w an] Mertua Perempuan
66	Ipar lelaki	[bahu?] Bahuk
67	Ipar perempuan	[mønuy] Menuy

Item 5



Rajah 3. Berkomunikasi dengan Besan.

Item 6




Rajah 4. Berkomunikasi dengan Biras.

Besan menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015) bermaksud hubungan yang terjalin antara ibu bapa mentua dengan ibu bapa sendiri manakala biras bermaksud hubungan saudara mara antara dua orang (sama ada lelaki atau perempuan) yang berkahwin dengan dua adik beradik

(Kamus Dewan,2015). Kedua-dua hubungan ini terbina daripada perkahwinan anak atau saudara. Perhubungan yang terbentuk telah menambahkan ruang lingkup komunikasi kekeluargaan. Pemilihan bahasa untuk berkomunikasi bagi kedua-dua kategori ini menjelaskan situasi peilihan bahasa dalam batasan kekeluargaan yang lebih besar. Berdasarkan item 5, peraturan menunjukkan bahawa 18 % responden daripada jumlah keseluruhan memilih untuk berkomunikasi dalam bahasa Kentaq. Baki responden selebihnya dilihat tidak menjawab persoalan bagi item ini kerana tiada lagi besan. Jadi jika ditolak jumlah responden yang tidak memiliki bisan ini, 100% responden yang memiliki besan memilih bertutur dalam bahasa Kentaq.

Bagi item 6, daripada jumlah keseluruhan responden 42% memilih bertutur dalam bahasa Kentaq bersama biras, 2% berbahasa Melayu dan 56 % responden tiada pilihan bahasa keras tidak mempunyai biras. Jika ditolak responden yang tidak mempunyai biras, 96% responden yang memiliki biras memilih bertutur dalam bahasa Kentaq dan hanya 4% sahaja memilih bertutur dalam bahasa Melayu. Responden yang memilih bertutur dalam bahasa Melayu adalah responden yang terdiri daripada perkahwinan campur Kentaq + Siam. Justeru itu penggunaan bahasa Melayu pilihan kerana bahasa Siam dan Kentaq adalah dua bahasa yang berbeza dan bahasa Melayu sebagai bahasa Rasmi Negara tentulah difahami oleh kedua-dua kumpulan penutur dan menjadi pilihan utama sebagai bahasa pengantara.


Item 7



Rajah 4.4.5. Pilihan Bahasa Suami Isteri

Pilihan komunikasi antara pasangan suami isteri bagi item 7 menunjukkan bahawa bahasa Kentaq telah menjadi pilihan utama untuk berkomunikasi. Setelah ditolak jumlah responden yang belum berkahwin, 96% responden yang telah berkahwin memilih bertutur dalam bahasa Kentaq apabila berkomunikasi dengan pasangan masing-masing. Baki sebanyak 4% yang memilih bertutur dalam bahasa Melayu adalah terdiri daripada pasangan yang berkahwin campur Kentaq + Siam. Pertuturan antara suami isteri sebenarnya akan memberi kesan kepada kelestarian sesuatu bahasa. Bahasa yang digunakan oleh suami isteri yang mempunyai anak akan diwarisi dan menjadi pilihan bahasa anak-anak. Perkahwinan campur bagi masyarakat Kentaq juga berlaku dalam kalangan mereka yang berlainan suku. Namun daripada dapatan di atas, jelas memperlihatkan selain responden yang berkahwin dengan masyarakat Siam, kesemua responden telah memilih untuk bertutur dalam bahasa Kentaq walaupun ada di antara

mereka berlainan suku. Huraian berkaitan perkahwinan campur ini telah diterangkan dalam objektif kedua.




Rajah 6. Berkomunikasi dengan Saudara Mara.

Rajah 7. Berkomunikasi dengan Adik Beradik.

Item 8 masih memperlihatkan bahawa bahasa Kentaq masih menjadi pilihan utama melibatkan komunikasi dalam kalangan saudara mara dengan peratusan sebanyak 96% dan bagi hanya 2% adalah melibatkan responden yang berkahwin campur Kentaq + Siam.

Seterusnya bagi item 9 iaitu pilihan komunikasi dengan adik beradik, 100% responden memilih untuk bertutur dala bahasa Kentaq. Disini jelas bahawa kesemua responden tetap memilih untuk berkomunikasi dalam bahasa ibunda walaupun mereka mempunyai kemahiran komunikasi dalam bahasa lain.



Rajah 8. Berkomunikasi dengan Anak.

Rajah 9. Berkomunikasi dengan Cucu.

Untuk item 10 dan 11 jika ditolak peratusan tiada (tidak mempunyai anak atau cucu) dapatan menunjukkan 100% responden yang memiliki anak dan cucu memilih berkomunikasi sepenuhnya dalam bahasa Kentaq. Situasi ini dilihat sangat baik bagi tujuan perlestarian bahasa kerana golongan muda adalah golongan pewaris yang akan mengembangkan budaya sesuatu bangsa termasuklah bahasa.

Adat dan budaya atau bahasa perlu diajar oleh ibu bapa kepada anak-anak atau datuk nenek kepada cucu-cucu sejak mereka sejak kecil lagi untuk membiasakan anak-anak itu dengan budaya bangsa atau bahasa mereka. Warisan budaya ini mestilah dipertahankan, diamalkan dan digunakan serta perlulah diturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain agar khazanah itu tidak pupus ditelan zaman.

Sepanjang pengalaman pengkaji berada di kampung Bukit Asu, pengkaji melihat bahasa Kentaq dituturkan di setiap peringkat lingkungan umur dan jantina. Walaupun sesekali ada juga di antara mereka yang bertutur dalam bahasa Melayu, namun mereka tidak menggunakan bahasa Melayu dalam ayat yang lengkap. Pengkaji pernah melihat dan mendengar Tok Batin memberikan arahan kepada kanak-kanak menggunakan bahasa Kentaq dan bahasa Melayu. Hal ini mungkin untuk memberi pemahaman secara tidak langsung kepada pengkaji tentang apa yang diperkatakan kepada anak-anak buah beliau yang diminta tidak mengganggu proses kajian yang sedang berlangsung ketika itu. Berdasarkan situasi ini dan hasil analisis yang dibuat, pengkaji dapat merumuskan bahawa bahasa Kentaq sentiasa dituturkan dan difahami oleh setiap anggota orang Asli Kentaq dan menjadi pilihan utama sebagai bahasa komunikasi bagi domain keluarga dalam kalangan mereka.

Domain Kejiranan

Jadual 2.1: Domain Kejiranan

	Pihak/ Pilihan Bahasa		Kentaq	BM	Kentaq+BM	Lain-lain	Jumlah
1	Jiran lebih berusia	Bil.	61				
		%	100				
2	Jiran lebih muda	Bil.	61				
		%	100				
3	Jiran sebaya	Bil.	61				
		%	100				
4	Jiran bukan berbangsa Kentaq	Bil		61			
		%		100			

Domain kejiranan bagi item soalan 1, 2 dan 3 memperlihatkan bahawa pilihan bahasa bagi tujuan komunikasi adalah menggunakan bahasa Kentaq sepenuhnya. Kesemua responden yang berjumlah 61 orang memilih untuk berkomunikasi sepenuhnya dalam bahasa Kentaq. Faktor kejiranan yang kecil dan hanya dilingkungi kelompok suku yang sama menjadikan Orang Asli Kentaq memilih untuk berkomunikasi sepenuhnya dalam bahasa Kentaq.

Bagi item soalan 4 domain kejiiran, dapatan menunjukkan bahawa kesemua responden memilih bahasa Melayu sebagai bahasa untuk berkomunikasi apabila bertutur dengan jiran yang bukan berbangsa Kentaq. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, kejiiran yang paling hampir dengan masyarakat Kentaq adalah sebuah perkampungan Melayu di awal kawasan sebelum memasuki Kampung Bukit Asu dan sebuah perkampungan Siam yang terletak hampir 5-kilometer dari perkampungan penduduk Orang Asli Kentaq.

Pengkaji pernah dibawa oleh Tok Batin melawat ke perkampungan Siam yang terletak hampir 5-kilometer dari kampung. Berdasarkan pengamatan dan pemerhatian, pengkaji melihat Tok Batin memilih untuk bertutur dalam bahasa Melayu sepenuhnya apabila berbual dengan bangsa lain. Perkara ini memperlihatkan pemilihan bahasa yang berlaku apabila komunikasi terjadi melibatkan bangsa selain bangsa Kentaq. Bahasa Melayu yang merupakan bahasa dominan atau bahasa utama di Malaysia telah menjadi pilihan sebagai bahasa komunikasi utama apabila melibatkan dua bangsa yang berbeza.

Domain Kemasyarakatan

Jadual 3.1: Domain Aktiviti Kemasyarakatan

	Situasi/ Pilihan Bahasa		Kentaq	BM	Kentaq+BM	Lain-lain	Jumlah
1.	Ketika bermesyuarat bersama masyarakat Kentaq di kampung	Bil.	61				
		%	100				
2.	Ketika bermesyuarat bersama pihak luar di kampung	Bil.		61			
		%		100			
3.	Ketika bergotong-royong di kampung	Bil.	61				
		%	100				
4.	Ketika perayaan	Bil.	61				
		%	100				
5.	Berkomunikasi dengan bomoh, pawang atau bidan	Bil.	61				
		%	100				
6.	Dalam majlis perkahwinan	Bil.	61				
		%	100				
7.	Majlis melibatkan masyarakat luar	Bil.		61			
		%		100			

Istilah masyarakat berasal dari bahasa Arab musyarakah. Menurut L. Gillin dan J.P. Gillin dalam bukunya “*Cultural Sociology*” (1948) mendefinisikan Masyarakat adalah kelompok manusia yang terbesar yang mempunyai kebiasaan, tradisi, sikap dan perasaan persatuan yang sama.

M.J. Herskovits (1949) dalam buku “*Man and His Works*” menjelaskan definisi masyarakat sebagai kelompok individu yang diorganisasikan yang mengikuti suatu cara hidup tertentu. Masyarakat adalah suatu sistem yang terdiri daripada berbagai kelompok, berbagai golongan dan pengawasan tingkah laku serta kebebasan-kebebasan individu (manusia). Dalam konteks di Malaysia, masyarakat di sini adalah terdiri daripada pelbagai jenis bangsa, bahasa dan agama. Kemajmukan ini menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara yang unik dengan kepelbagaian amalan.

Dari konteks bahasa dalam masyarakat, biasanya bahasa yang dominan akan menjadi pilihan utama bagi tujuan komunikasi. Bagi orang Asli Kentaq, pilihan bahasa dalam domain kemasyarakatan menunjukkan bahawa mereka akan bertutur dalam bahasa penutur dominan sekiranya situasi aktiviti melibatkan masyarakat luar dari suku mereka. Berdasarkan jadual 4.4.7 kesemua responden memilih untuk bertutur dalam bahasa Melayu yang lebih dominan apabila melibatkan aktiviti dengan masyarakat luar.

Domain Keagamaan

Jadual 4.1: Domain Keagamaan

	Situasi/Pilihan Bahasa		Kentaq	BM	Kntak+BM	Lain-lain	Jumlah
1	Ketika berdoa	Bil	61				
		%	100				
2	Berbual dalam majlis keagamaan	Bil	61				
		%	100				
3	Ketika Majlis Kematian	Bil	61				
		%	100				
4	Alatan Keagamaan disebut dalam bahasa.	Bil	61				
		%	100				

Bagi domain keagamaan, 100% responden memilih untuk bertutur dalam bahasa Kentaq. Pengkaji amat yakin Orang Asli Kentaq lebih selesa berkomunikasi dalam bahasa ibunda sendiri dari sudut agama. Daripada situasi ini, masalah berkaitan status agama yang tiada penyelesaian mungkin boleh dikaji semua oleh pihak-pihak yang terlibat. Pengkaji melihat kebanyakan Orang Asli Kentaq masih kurang arif dan kurang pengetahuan ilmu keagamaan terutamanya bagi yang beragama Islam. Mereka agak keliru bila diajukan soalan berkaitan agama dan agak lambat memberikan maklum balas apabila pengkaji menyoal berkaitan status agama. Mungkin jika diberikan guru yang mampu bertutur dalam bahasa mereka, perubahan dapat dilakukan dengan lebih baik. Sepanjang pengkaji berada di kawasan kajian, pengkaji melihat surau yang terdapat di Kampung berkenaan sentiasa dalam keadaan berkunci dan tidak digunakan untuk aktiviti keagamaan.

Domain Pendidikan

Jadual 5.1: Domain Pendidikan

	Situasi/pilihan Bahasa		Kentaq	BM	Kentaq+BM	Lain-lain	Jumlah
1	Berbual dengan guru	Bil		44			
		%		100			
2	Berbual dengan rakan sekelas berketurunan Kentaq	Bil		44			
		%		100			
3	Berbual dengan rakan sekelas bukan berketurunan Kentaq	Bil		44			
		%		100			
4	Komunikasi ketika bermain dengan rakan sekelas berketurunan Kentaq	Bil		44			
		%		100			
5	Komunikasi ketika bermain dengan rakan sekelas bukan berketurunan Kentaq	Bil		44			
		%		100			
6	Komunikasi di masa persekolahan dengan rakan berketurunan Kentaq	Bil	44				
		%	100				
7	Komunikasi di masa persekolahan dengan rakan bukan berketurunan Kentaq	Bil		44			
		%		100			

Ross dan Wu (1996) menyatakan bahawa pendidikan mempunyai impak yang besar ke atas pelbagai peluang kehidupan manusia untuk memperolehi dan mengekalkan kualiti kehidupan. Pendidikan membantu individu membina keyakinan diri untuk berhadapan dengan dunianya, menikmati kemudahan yang ada dipersekitarannya, serta memahami diri sendiri. Pendidikan juga bertindak sebagai pemangkin kesejahteraan hidup dengan cara memimpin individu ke arah sumber-sumber ekonomi yang mantap, keupayaan kawalan diri, dan kestabilan hubungan sosial. Berganjak kepada aspek kebahasaan, pengkaji merasakan domain pendidikan merupakan domain yang penting untuk dikaji, kerana domain ini memberi gambaran yang jelas berkaitan status masyarakat penuturnya. Pendidikan dalam konteks ini dilihat sama ada mampu memelihara bahasa atau mengubah jati diri penutur bahasa melalui hubungan sosial penuturnya.

Berdasarkan domain pendidikan di atas, pengkaji melihat penutur Kentaq bijak menentukan pilihan bahasa berdasarkan situasi penggunaannya. 44 orang responden menunjukkan pilihan yang sama memilih bahasa berdasarkan setiap situasi yang bersesuaian dalam konteks hubungan bahasa. Semua responden selesa memilih berkomunikasi dalam bahasa Melayu jika lawan tuturnya terdiri daripada orang luar selain daripada bangsa Kentaq (item 1,2,3,4,5 dan 7). 44 responden yang terlibat dalam analisis domain ini merupakan responden yang terdiri daripada kumpulan yang mendapat pendidikan rendah dan menengah. Berikut merupakan data tahap pendidikan responden.

Jadual 5.2: Tahap Pendidikan Orang Kentaq.

Tahap Pendidikan	Bilangan	Peratusan
Tidak sekolah	17	27.9
Sekolah rendah	41	67.2
Sekolah menengah	3	4.9
Total	61	100.0

Domain Ekonomi

Jadual 6.1: Domain Ekonomi

	Situasi/ Pilihan Bahasa		Kentaq	BM	Kentaq+BM	Lain-lain	Jumlah
1	Ketika berurusan jual beli di kedai atau pasar masyarakat Kentaq	Bil	61				
		%	100				
2	Ketika berurusan jual beli di kedai atau pasar masyarakat bukan Kentaq/ luar	Bil		61			
		%		100			
3	Ketika berurusan di kedai makan masyarakat bukan Kentaq	Bil		61			
		%		100			
4	Ketika membeli/ menjual hasil hutan sesama masyarakat Kentaq	Bil	61				
		%	100				
5		Bil	61				

	Ketika membeli/ menjual hasil hutan sesama masyarakat bukan Kentaq/luar	%	100				
--	---	---	-----	--	--	--	--

Bagi domain ekonomi, dapatan menunjukkan bahawa Orang Asli Kentaq memilih untuk berkomunikasi sepenuhnya dalam bahasa Kentaq apabila berurusan melibatkan aktiviti ekonomi sesama suku mereka. Mereka akan memilih untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu apabila berurusan dengan masyarakat luar.

Sepanjang pemerhatian pengkaji, rata-rata penduduk Kentaq kebanyakan bekerja sendiri. Ada juga di antara mereka yang mengambil upah daripada orang Cina seperti menanam getah dan ada juga yang mengambil upah menebas rumput. Mereka tidak mempunyai pekerjaan yang tetap. Pemilihan bahasa bagi mereka hanya berlaku sekiranya mereka berurusan dengan orang luar.

Domain Perkhidmatan

Jadual 7.1: Domain Perkhidmatan

	Situasi/Pilihan Bahasa		Kentaq	BM	Kentaq+BM	Lain-lain	Jumlah
1	Ketika berurusan di hospital	Bil		61			
		%		100			
2	Ketika Berurusan di pejabat kerajaan	Bil		61			
		%		100			
3	Ketika berkomunikasi dengan rakan sekerja keturunan Kentaq	Bil		61			
		%		100			
4	Ketika berkomunikasi dengan rakan sekerja keturunan lain	Bil		61			
		%		100			

Seperti juga domain ekonomi, domain perkhidmatan juga menunjukkan dapatan yang sama. Orang Asli Kentaq hanya akan berkomunikasi dalam bahasa Kentaq jika bertutur sesama mereka. Jika melibatkan masyarakat luar, mereka akan memilih bahasa Melayu sebagai bahasa pilihan untuk berkomunikasi.

Melalui pemerhatian, pengkaji melihat urusan melibatkan masyarakat dan urusan dokumen biasanya dilakukan oleh Batin. Seperti urusan pemohon Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BRIM) misalnya, pengkaji melihat Batin memainkan peranan daripada urusan mula sehingga akhir. Menurut batin kebanyakan masyarakat Kentaq tidak tahu membaca dan menulis serta mereka tidak mempunyai pengangkutan. Hal ini agak menyukarkan mereka berurusan di luar. Segala urusan di serahkan kepada batin sepenuhnya.

Kawasan perkampungan yang agak jauh daripada pusat-pusat aktiviti masyarakat juga menjadikan masyarakat ini kurang bersosial bersama masyarakat luar. Mereka dilihat sedikit primitif dalam pergaulan dengan masyarakat luar. Masih ada lagi dalam kalangan mereka yang takut untuk mendapatkan rawatan di hospital sehingga ada yang mengalami kematian mengejut di rumah. Pengkaji dimaklumkan oleh batin bahawa ada remaja Kentaq yang meniggal dunia kerana kengganan mendapatkan rawatan di hospital.

Kesimpulan

Berdasarkan analisis domain di atas dapatlah dirumuskan bahawa orang Asli Kentaq hanya menggunakan bahasa selain daripada bahasa Kentaq apabila memerlukan mereka bertutur dengan orang luar sahaja. Domain yang paling tinggi dalam pemilihan bahasa Kentaq adalah domain keagamaan. 100% orang Asli Kentaq memilih bertutur menggunakan bahasa Kentaq sepenuhnya dalam setiap aktiviti yang terdapat dalam domain ini seperti ketika berdoa, berbual dalam majlis keagamaan, ketika dalam majlis kematian dan sebutan bagi istilah alatan keagamaan.

Domain-domain lain seperti kekeluargaan, kejiranan, kemasyarakatan, pendidikan, ekonomi dan perkhidmatan, pemilihan bahasa dibuat adalah berdasarkan konteks penggunaan ketika itu. Bahasa Melayu merupakan bahasa yang dipilih oleh orang Asli Kentaq sekiranya memerlukan mereka bertutur dengan masyarakat luar. Peranan bahasa Melayu sebagai bahasa dominan atau *lingua franca* di Malaysia sedikit sebanyak telah menjadikan bahasa ini sebagai pilihan utama sekiranya aktiviti yang wujud dalam ketujuh-tujuh domain ini turut melibatkan masyarakat luar.

Secara keseluruhan, bahasa Kentaq masih digunakan dalam ketujuh-tujuh domain. Namun, 6 domain mempunyai lebih dari satu penggunaan bahasa dan hanya satu domain menggunakan bahasa Kentaq sepenuhnya. Berdasarkan Tahap keterancaman kehilangan domain bahasa oleh Noriah Berzinger et al. (2003) dalam Noriah (2016) situasi yang berlaku dalam bahasa Kentaq ini menunjukkan bahawa tahap keterancaman bahasa Kentaq adalah berada di Gred 4 iaitu kesetaraan multilingual apabila dua atau lebih daripada dua buah bahasa digunakan dalam kebanyakan domain sosial untuk kebanyakan fungsi. Berikut merupakan jadual tahap keterancaman bahasa menurut Berzinger et al. (2003)

Jadual 7.2: Tahap Keterancaman Bahasa Berdasarkan Kehilangan Domain

Tahap keterancaman	Gred	Domain dan fungsi
Penggunaan sejagat	5	Bahasa digunakan dalam semua domain untuk semua fungsi.
Kesetaraan multilingual	4	Dua atau lebih daripada dua buah bahasa mungkin digunakan dalam kebanyakan domain sosial untuk kebanyakan fungsi.
Penyusutan domain	3	Bahasa digunakan dalam domain rumah tangga untuk banyak fungsi tetapi bahasa dominan mula menembusi domain rumah tangga.

Domain terhad atau domain formal	2	Bahasa digunakan dalam domain ang sangat terhad untuk sebilangan fungsi.
Domain yang sangat terhad	1	Bahasa hanya digunakan dalam domain yang sangat terhad untuk fungsi yang sedikit.
Pupus	0	Bahasa tidak digunakan dalam mana-mana domain untu apa-apa fungsi.

Justeru apa yang dapat dirumuskan adalah status kelestarian bahasa Kentaq masih terpelihara. Pemilihan bahasa berkomunikasi dalam kalangan orang Asli Kentaq menunjukkan tanda yang positif kepada kelestarian bahasa mereka. Mereka dilihat memiliki jati diri dalam memelihara bahasa walaupun tiada pendidikan khusus bagaimana untuk memelihara bahasa. Faktor ini mungkin disebabkan kumpulan ini agak terpisah daripada masyarakat setempat kerana faktor kawasan penempatan mereka. Ibu bapa juga dilihat memainkan peranan dalam mengajarkan bahasa kepada generasi yang lebih muda. Boleh dikatakan kesemua orang Asli Kentaq di kawasan kajian mampu bertutur dalam bahasa Kentaq dengan sangat baik sekali termasuklah juga mereka yang bermigrasi ke kawasan berkenaan. Justeru itu pengkaji dapat merumuskan bahawa pilihan bahasa tidak menjejaskan pelestarian bahasa Kentaq dari konteks situasi Orang Asli Kentaq sekarang berdasarkan domain penggunaan bahasa.

Rujukan

- Asmah Haji Omar. (1976). *The Verb in Kentaq Bong*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir* (Edisi Kelima). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bernard Spolsky. (1998). *Sociolinguistic*. New York: Oxford University Press.
- Benjamin, G. (1976). Austroasiatic Subgroupings and Prehistory in the Malay Peninsular. Dlm. Jenner. P., Thompson L.C. dan Starosta S., (pnyt). *Austroasiatic Studies*: 37-128. Honolulu: University o Hawaii Press.
- Carey, Iskandar. (1970a) A Mendrik Vocabulary. *Federation Museums Journal*, Volume XV, New Series. Kuala Lumpur: Museums Department pp. 185- 192.
- Carey, Iskandar. (1970b) Some Notes on The Sea Nomads of Johor. *Federation Museums Journal*, Volume XV, New Series. Kuala Lumpur: Museum Department, pp 181- 184.
- Carey, Iskandar. (1976). *Orang Asli: The Aboriginal Tribes in Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- David Crystal. (2002). *Language Death*. United Kigdom: Cambridge University Press.
- Eckert, P. (1997). *Age as a Sociolinguistic Variable*. Dlm. F. Coulmas (Peny.) *The Handbook o Sociolinguistics*. Oxford: Blackwelt, hlmn 151-167.
- Eda Derhemi (2002). *Thematic Introduction: Protecting Endangered Minority Language: Sociolinguistik Perspektif*- Volume. 4. No. 2, Internatioanal Journal on Multicultural Societies (IJMS).
- Fawcett, James. (1996). *The International Protection Minorities*. Dalam *Reading on Minorities: Perspectives and Documents*. Jil. 1. New Delhi: Institute of Objectives Studies.

- Fishman, J.A. (1991). *Sosiologi bahasa. (terjemahan)*. Alias Mohamad Yatim. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Harishon Radzi, Fazal Muhamed Sultan, Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad. (2012). *Analisis Bahasa Komunikasi Bangsa Minoriti Negrito Menerusi Pengimbuhan dan Peminjaman Kata*. *Gema Online*. Journal of Language Studies, Volume 12(3), Special Section, September 2012.
- Hood Salleh. (1976) *Morality and Restraint Among Semelai of Malaysia*. In Nascent Malaysian Society, H.M. Dahlan (ed), 53-70. Kuala Lumpur: Jabatan Antropolgi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- JAKOA. (2011). *Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011-2015*. Kuala Lumpur: Penerbit JAKOA.
- James T. Collins. (2007). *Penghayatan Ilmu Linguistik melalui Pemetaan Dialek Melayu Sealam Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- James T. Collins. (1986). *Antologi Kajian Dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keraf, Gorys. (1996). *Linguistik Bandingan Historis*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Harimurti Kridalaksana (1983). *Kamus Linguistik*. Jakarta: PT Gramedia.
- Malaysia. (1974). Undang-Undang Malaysia Akta 134. (Akta Orang Asli 1954 disemak 1974).
- Melville Jean Herskovits (1949), *Man and his works: the science of cultural anthropology*.
- Mohd Razha Rashid. (1973). *The Kentaq Bong of Tasek Ulu Perak: Tree Studies on The Orang Asli ini Ulu Perak*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2007). “*Keusangan Bahasa Orang Melayu Proto: Kajian Sosiologi Bahasa Terhadap Dialek Duano dan Dialek Kanaq di Johor*”. Ijazah Doktor Falsafah.UKM.Bangi
- Mohd Sharifudin Yusop. (2013). *Keterancaman Bahasa Orang Asli Duano & Kanaq*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2011). *Daftar Kata Bahasa Melayu-Bahasa Orang Asli . Siri 1 Dwibahasa Melayu/Negrito*. Kuala Lumpur: JAKOA.Mohd Tarmizi Hasrah et al. 2010). *Variasi Dialek Pahang: Keterpisahan Berasaskan Jaringan Sungai*. *Jurnal Melayu* (5) 2010:315-332.
- Mohd Yusof, R, dan Mohamad Nor, N.H. (2014) *Bahasa orang asli Melayu-proto: Bahasa atau dialek Melayu?* In: *Persidangan Serantau Kearifan Tempatan 2014 (RCLK 4): Sinergi Kelestarian Dinamisme*, 11-14 Oct 2014, Kuching, Sarawak
- Nor Hisham Osman. (1999).*Pemeliharaan dan penyisihan bahasa: Kajian Kes Terhadap Komuniti Minoriti Rajang-Tanjong*. Tesis PhD. Universiti Malaya
- Norizan Che Su. (2009). *Analisis Kontrastif Bahasa Melayu dan Bahasa Thai*. Thesis Ph. D Universiti Putra Malaysia: Selangor.
- Noriah Mohamed (2016) *Pelestarian Turunan, Penelusuran Moyang: Pengadunan Sosiolinguistik dan Linguistik Sejarah dalm Pendokumentasian Bahasa Peribumi*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Noriah Mohamed dan Rohani Yusof (2011). *Pengelompokan Leksikostatistik Bahasa-bahasa Peribumi di Sarawak*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nureeda Salaemae. (2000). *Pemilihan bahasa di kalangan wanita Melayu Petani: Satu Kajian kes di Narathiwat Thailand*.Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Osman Ali dan Zaleha Md. Isa. (2005). *Kehidupan dan Kesihatan Orang Asli di Malaysia*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

- Osman Ali. (2005). *Orang Asli – Pengenalan dan Sejarah: Keidupan dan Kesihatan Orang Asli di Malaysia*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Othman Lebar. (2009) *Kajian Kualitatif: Pengenalan kepada teori dan Metod*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Sa'adiah Maalip. (2011). *Sikap bahasa dan identiti: Kajian kes masyarakat Narum Sarawak*. Jurnal Melayu, 6.57-72.
- Sa'adiah Ma'alip. (2014). *Pemilihan bahasa: Proses Proses Peralihan Bahasa Masyarakat Orang Asli Che Wong*. Jurnal Melayu Jilid 12 (1).
- Tuan Jah Tuan Yusof. (2004) *Indeks Kognitif: Analisis Leksikal Bahasa Melayu dan Bahasa Orang Asli*. Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Melayu,